

Islam dan Pergeseran Dengan Tamadun Lama dan Baru

Oleh: Abū ‘Alā al-Mawdūdī

Kupasan-kupasan dengan secara berterus-terang yang dibentangkan oleh al-Sayyid Abū ‘Alā al-Mawdūdī – seorang ulama, pejuang dan penulis Islam yang terkemuka di Pakistan – sungguh mengharukan perasaan setiap Muslim yang cintakan agama suci yang dianutinya. Di antara kata-katanya yang mengungat jiwa ialah: “...perjalanan orang-orang Islam di hari ini sudah menyeleweng daripada sejarah Islam yang sebenarnya, mereka sudah tidak berakhlak dengan akhlak Islam yang sebenarnya, mereka sudah tidak berfikir dengan pemikiran Islam yang sebenarnya. Malahan mereka sudah tidak berjiwa, tidak bersemangat dengan jiwa dan semangat keislaman yang sebenarnya...”

Oleh itu tataplah makalah yang berharga ini dan menungkanlah setiap kalimah kata yang terkandung di dalamnya.

Pengarang. _____

(Terjemahan bebas oleh: Abdul Aziz al-Murshidi)

Tamadun Islam Tulen:

Sesungguhnya bentuk pergeseran di antara Islam dengan tamadun Barat di abad yang kedua puluh ini dan pergeserannya dengan tamadun-tamadun kuno di abad-abad yang silam adalah sangat berbeza sekali.

Pada waktu tamadun-tamadun Rom, Parsi, India dan China lama berkembang menjalar ke merata alam jagat ini, dengan secara kebetulan pada masa itu perkembangan agama Islam sedang memuncak maju di dalam segala bidang pemikiran dan ilmu pengetahuan. Pada zaman itu roh jihad, roh suka berkorban sedang menyala-nyala dengan hebatnya memenuhi dada dan urat saraf penganut-penganut Islam, hingga menjadikan mereka suatu umat yang sentiasa menang, maju dan terkemuka di lapangan rohani dan kebendaan, mereka terkenal sebagai suatu umat yang sanggup memimpin dan mengendalikan

masyarakat hidup manusia sejagat. Oleh itu tamadun yang dibawa Islam di zaman itu tidak dapat digoncang dan diruntuhkan oleh tamadun-tamadun lain yang lebih terkenal dan lebih lama hidupnya di zaman itu. Tamadun Islam tetap berdiri dengan teguhnya di hadapan tamadun-tamadun yang lebih tua daripadanya. Penganut-penganut Islam tetap selamanya berpegang teguh dengan tamadun yang dibawa oleh agama mereka, kemana-mana sahaja mereka pergi mereka sentiasa bekerja untuk memperkembangkan tamadun Islam hingga membawa kepada bergoncangnya pendirian umat-umat yang lain terhadap tamadun-tamadun tua yang sekian lama mereka anuti, lantaran terpengaruh mereka dengan ketinggian akhlak, ilmu pengetahuan, adat istiadat dan tamadun yang dibawa oleh Islam.

Dengan kemas dan teratur tamadun yang dibawa oleh Islam, maka penganut-penganut

Islam yang berpegang teguh dengannya tak dapat dipengaruhi oleh perkembangan lain-lain tamadun yang sezaman dengannya. Tetapi di samping itu mereka tidak melepaskan peluang untuk mempelajari sesuatu yang baik dari tamadun-tamadun Rom, Parsi, India dan China yang tidak kurang pula besar pengaruhnya di zaman itu, mana-mana pengajaran yang baik dan bersesuaian dengan tamadun Islam mereka ambil dan dijadikan bahan campuran untuk meninggikan taraf tamadun Islam, meskipun setengah daripada kesan-kesan tamadun lain – yang bersesuaian dengan tamadun Islam – itu mereka ambil, malahan percampuran yang sedemikian rupa tidaklah mengurangkan keindahan-keindahan yang didapati dalam tamadun Islam. Dan kesan-kesan dari tamadun-tamadun lain itu tidak pula dapat mempengaruhi kemuliaan tamadun Islam yang kemas dan mantap itu, malahan Islam berjaya mengambil sebahagian daripada tamadun-tamadun asing yang

Islam dan Pergeserannya...

sesuai dengan tamadunnya demi untuk kemandapan dan memperkemas tamadun Islam sendiri.

Pengaruh Tamadun Barat:

Beberapa abad kemudian setelah mangkatnya Rasulullah *ṣallā Allāh ‘alayhi wa salām*, setelah hilangnya para Sahabat, setelah berpulangnya para Tabi‘in sebagai pelopor Islam di zaman silam, dan setelah lenguhnya umat-umat Islam memperjuangkan Islam dengan mata pena dan mata pedang, maka di dalam abad-abad yang akhir tibalah masanya semangat jihad mereka menjadi malap, roh perjuangan mulai padam, kitab suci al-Qur’ān yang Allah turunkan sebagai cahaya yang memberi pertunjuk kepada mereka supaya lebih kuat berusaha dan beramal demi untuk mencari kebahagiaan dunia dan akhirat, telah mereka abaikan, mereka jadikan suatu barang cenderamata, mereka jadikan tinggal azimat, mereka letakkan di penjuru-penjuru rumah dan mereka gantungkan di muka-muka pintu, mereka lupakan segala ajaran-ajaran suci yang terkandung di dalamnya. Mereka lalaikan segala sabda-sabda Rasulullah *ṣallā Allāh ‘alayhi wa salām* yang membimbing mereka ke arah suatu tamadun hidup yang mempunyai peraturan dan tata susila yang lebih kemas dan rapi untuk membina sebuah masyarakat yang adil, aman rukun dan damai.

Akibat dari kealpaan dan kelalaiannya mereka, maka terhentilah roda sejarah yang sentiasa berputar menuju ke arah penghidupan yang tinggi mulia, kembali berputar timbal balik menuju ke jurang penghidupan yang hina dan beku. Dengan sendirinya berturunlah kaum

Muslimin dari takhta singgahsana yang tinggi mulia menjadi suatu umat yang lemah tak berdaya, suatu umat yang mundur, mundur di lapangan pemikiran, di lapangan ilmu pengetahuan, di lapangan tamadun, hingga di lapangan politik yang selama ini mengatasi umat-umat yang lain di alam jagat ini.

Di tengah-tengah arena kemerosotan umat Islam itu, muncullah suatu tamadun lain yang lebih maju dan lebih berpengaruh daripada tamadun Islam yang sumbernya mengalir dari dunia Barat. Tamadun Barat inilah yang menggantikan tempat tamadun Islam yang semakin sehari semakin malap dan pudar disebabkan dari angkara umat Islam sendiri. Dengan munculnya tamadun Barat menguasai seluruh alam semesta, maka keadaan umat Islam semakin mengantuk dan langsung tertidur tidak bergerak.

Tamadun Barat yang baharu berumur setahun jagung itu sekarang berjaya mempengaruhi dunia, ia berjalan dengan lajunya mempertinggikan taraf kehidupan manusia di lapangan perusahaan dengan membawa panji-panji kemenangan di atas kejayaan meruntuhkan tamadun-tamadun yang lebih tua daripadanya. Dengan kejayaan ini maka semakin berkembanglah pengaruhnya ke santero dunia hingga ia dapat menguasai dunia dari segi pemikiran, kesenian, ilmu pengetahuan dan politik, di samping itu ia dapat pula menguasai peribadi seseorang manusia bukan sahaja dari segi tubuh badan malahan sampai kepada jiwa dan pemikiran manusia itu sendiri. Penguasa secara halus melalui saluran tamadun ini harus akan dapat mereka pertahankan selagi kaum Muslimin belum

bangkit dari tidur dan kelalaiannya di sepanjang zaman.

Pengaruh yang besar dari tamadun Barat itu sekarang sudah dapat kita persaksikan, ia semakin menjaral masuk ke dalam urat saraf umat Islam sedunia. Sebahagian besar daripada negara-negara Islam sendiri telah menggunakan hukum undang-undang yang diimport dari Barat. Dengan nyata kita dapat menyaksikan sekarang, ilmu yang kita pakai sekarang adalah ilmu dari Barat, tamadun dan kebudayaan yang kita gunakan datangnya dari Barat, hinggakan undang-undang yang menguasai ~~mahkamah-mahkamah~~ hingga dan ~~mahkamah-mahkamah~~ di dalam negeri-negeri Islam semuanya diambil dari negeri Barat. Habis apa yang ada pada kita selain daripada membalik-balikkan ingatan kita ke zaman yang lampau, zaman ketinggian dan keagungan Islam. Ini pun saya fikir dalam masa yang tiada lama lagi akan terhapus pula dari ingatan kita.

Pergeseran di Antara Dua Tamadun:

Walaupun pesatnya pengaruh-pengaruh tamadun Barat cuba hendak menghancurkan benteng-benteng tamadun lain yang lebih tua daripadanya, tetapi sewaktu ia berhadapan dengan tamadun Islam, maka nyata kelihatan ia agak ragu-ragu. Ia tidak dapat menjadikan tamadun Islam itu sebagai lawan untuk bersempukan dengannya meskipun di antara keduanya di dapati pergeseran yang nyata, kerana tamadun Islam bukannya suatu tamadun palsu yang diciptakan oleh manusia tetapi sumber-sumber penyusunannya diambil daripada al-Qur’ān dan al-Ḥadīth, oleh itu ia dianggap oleh pujaan-pujaan dan pendeta-pendeta Barat

* Islam dan Pergeseran...*

suatu tamadun tua yang mempunyai akar tunjang yang kuat dimuka bumi ini.

Tetapi wahai kaum Muslimin! Katakanlah kepada ku: Di mana pendirian kamu pada hari ini? Perjalanan orang-orang Islam di hari ini sudah menyeleweng daripada sejarah Islam yang sebenarnya, mereka sudah tidak berakhlak dengan akhlak Islam yang sebenarnya, mereka sudah tidak berfikir dengan pemikiran Islam yang sebenarnya, malahan mereka sudah tidak berjiwa, tidak bersemangat dengan jiwa dan semangat keislaman yang sebenarnya. Kerana roh Islam tulen sudah tidak ada lagi didapati di dalam masjid-masjid, sudah tidak ada lagi didapati di dalam madrasah-madrasah malahan sudah tidak ada lagi didapati di dalam rumah-rumah tempat kediaman mereka. Oleh itu Islam di hari ini kelihatan dari kaca mata kasar sudah menjadi suatu agama yang beku dan mati, suatu agama yang tidak ada hubungannya dengan penghidupan di dunia. Kerana undang-undang Islam sudah tidak mereka pakai lagi untuk dijadikan pedoman hidup mereka di dalam masyarakat dan perseorangan. Penganut-penganut Islam sendirilah yang menjadikan Islam itu menjadi suatu agama yang keras, beku dan tak bergerak.

Dalam hal yang demikian pergeseran itu pada hakikatnya bukan berlaku di antara tamadun Islam dengan tamadun Barat, tetapi yang sebenarnya pergeseran itu berlaku ialah diantara tamadun orang-orang Islam yang keras beku dengan suatu tamadun

baru yang hidup dan bergerak cergas, tamadun yang menghidupkan ilmu pengetahuan, yang memancarkan semangat bekerja dan berusaha. Lantaran sebagaimana yang telah kita katakana tadi bahawa orang-orang Islam sendiri telah jauh meninggalkan tamadun yang bercorak keislaman yang tulen dan sejati. Kalau penganut-penganut Islam dengan terang-terangan telah berani meninggalkan tamadun mereka sendiri, maka tidaklah menjadi hairan dengan tidak disedari oleh umat Islam sendiri bahawa tamadun hak kepunyaan mereka sendiri kalah bertelut di hadapan tamadun Barat yang sedang hidup bergerak maju itu. Dengan tidak mereka ketahui bahawa tamadun mereka hancur di dalam pergolakan menghadapi kemaraan tamadun Barat yang baru muncul ke alam jagat ini.

Hasil atau natijahnya mereka – orang-orang Muslimin – selain daripada kehilangan tamadun Islam pusaka yang mereka miliki turun-temurun, mereka kehilangan peribadi dan kehilangan semangat. Hati dan jiwa mereka telah tunduk menyerah kepada segala sesuatu yang datang dari dunia Barat, cara mereka berfikir, cara mereka bergerak semuanya sudah dipengaruhi oleh cara-cara orang Barat berfikir dan bergerak. Bukan itu sahaja, bahkan kelakuan, pergaulan, adat sehari-hari dan politik mereka juga sudah kebarat-baratan, generasi-generasi Islam angkatan baru ada yang menyangka bahawa segala peraturan hidup yang sedang mereka tempuhi di abad yang kedua puluh ini ialah suatu peraturan khas yang diturunkan dari Barat untuk mereka.

Melancarkan Suatu Gerakan Pembangunan:

Kesemua bencana yang datang ini punca kesalahannya ialah dari orang-orang Islam sendiri, tetapi malangnya kesalahan-kesalahan itu ditimpakan pula kepada agama Islam, kerana tidak ada sebuah negara Islam pun yang tidak ditimpa oleh bencana ini, dan tidak ada seorang kaum Muslimin pun yang tidak merasakan kepahitan hidup yang seumpama ini, malahan peristiwa yang seburuk ini meliputi dunia Islam seluruhnya. Untuk menebus kembali kekalahan yang sedang dialami oleh umat Islam maka berkewajipanlah di atas sekalian kaum intelek agama dan para ulama Islam menyedari akan hakikat ini dengan melancarkan suatu gerakan pembangunan untuk mempelajari perkembangan-perkembangan yang bergerak dengan pesat di dalam tamadun Barat sekalipun dengan secara berhijrah ke negeri-negeri Barat dengan tujuan memperdalam pengalaman di lapangan ilmu pengetahuan yang menjadi asas bangkitnya tamadun Barat itu. Langkah ini berhajat kepada kecekalan hati, kuat cita-cita serta ditujukan kepada membongkari rahsia ilmiah dan mempelajari sebab-sebab ketinggian yang telah dicapai oleh masyarakat hidup orang-orang Barat dengan tamadun yang dianutnya, dan cara hidup orang-orang Barat ini – mana yang baiknya – kita ambil, kita contohi dan kita persesuaikan dengan kehidupan kita yang berdasarkan tamadun Islam, dengan jalan ini sahajalah kita dapat menebus kembali segala kekalahan dan kemerosotan kita yang telah melalui zaman berabad-abad lamanya itu, supaya angkatan baru Islam dapat

Islam dan Pergeseran...

menyesuaikan diri dengan peredaran zaman dan pergolakan masa.

Tetapi sangat mendukacitakan jika seluruh kaum intelek agama dan sekalian para ulama Islam hari ini dijiwa mereka telah mati semangat keislaman yang tulen sejati, telah hilang kepercayaan diri untuk berjihad, telah bosan menyelidiki ajaran-ajaran agama dan telah malas berusaha untuk mencari kebahagiaan hidup di dunia. Kalau beginilah hal mereka, mereka tidak harus lagi diberi gelaran “ulama pelopor agama” kerana mereka telah meninggalkan ayat-ayat suci dan hadith-hadith Nabawi yang mengalakkan agar kaum Muslimin giat berusaha dan mencari ilmu pengetahuan dengan seluas-luasnya demi menegakkan konsep Islam yang suci mulia yang bersesuaian dengan keadaan di zaman yang datang dan pergi silih berganti. Jiwa mereka hendaknya janganlah lagi terikat dengan fatwa-fatwa yang terpendam di dalam kitab-kitab Fikah (yang bermazhab-mazhab – P) yang mengandungi racun bagi menyekat kemajuan umat Islam di lapangan hidup bahagia di dunia, kerana fatwa-fatwa yang demikian itu adalah bertentangan dengan ajaran-ajaran al-Qur’ān yang diturunkan Allah kepada sekalian umat manusia.

Tamadun Islam menempuhi Dugaan:

Selagi kaum intelek agama dan para ulama Islam masih berpahaman demikian sempit, bagaimanakah mereka boleh memimpin kaum Muslimin yang berada di dalam zaman serba-serbi berubah ini? Bagaimana mereka boleh sanggup

menghadapi sebuah dunia baru yang dipenuhi dengan segala aneka ilmu pengetahuan, berhadapan dengan suatu zaman yang memerlukan kesemua penghuni alam ini mesti bekerja dan berusaha demi untuk mengatasi kesulitan-kesulitan hidup yang sedang dihadapi oleh banī insan. Hanya Allah dan Rasul-Nya sahajalah yang mengetahui masa depan yang akan dihadapi oleh sekalian manusia di muka bumi ini.

Walaupun bagaimana hebatnya bidaan-bidaan yang telah kita lemparkan kepada kaum intelek dan para ulama Islam, namun demikian kita tidak pula menafikan bahawa mereka itu sama sekali tidak berusaha memperjuangkan kepentingan Islam menghadapi zaman baru. Mereka betul-betul ada yang berjuang mati-matian di lapangan masyarakat Islam, tetapi sedihnya perjuangan-perjuangan yang mereka laksanakan itu sering kali bertemu dengan kegagalan, lantaran mereka tidak mempunyai persediaan, tidak memiliki alat-alat kelengkapan yang cukup, oleh itu gerak perjuangan yang mereka lancarkan itu berjalan dengan lambat dan beku, mereka tidak dapat mengejar kemajuan zaman yang beredar dengan cepat. Oleh itu – sebagaimana yang kita katakan tadi – perjuangan-perjuangan yang mereka laksanakan itu sering kali bertemu dengan kegagalan dan tidak mendatangkan sebarang faedah di dalam menghadapi peristiwa dan pergolakan dunia di zaman baru.

Sesuatu umat yang masyarakat dilanggar oleh angin taufan tamadun Barat yang berlainan corak dengan tamadun bangsanya dari segenap segi dan jurusan tentunya ia tidak dapat menjejaskan mata, mendamaikan diri

menerima tiupan taufan yang sebegitu hebat dengan menyerah kalah tidak bersyarat. Bagaimana pula halnya dengan sesuatu umat yang mempunyai kebudayaan dan tamadun sendiri lekas sekali terpengaruh dengan sesuatu tamadun yang baru mendatangkan ke dalam masyarakatnya, kalau tamadun yang baru datang itu lebih rendah mutunya, lebih kucar-kacir peraturannya daripada tamadun mereka sendiri. Dengan itu dapatlah kita mengambil kesimpulan bahawa umat Islam hari ini telah tunduk menyerah kalah di bawah tamadun Barat yang mereka pandang lebih bernilai daripada tamadun Islam hak kepunyaan mereka sendiri. Ini setelah tewasnyanya mereka di lapangan politik dan ilmu pengetahuan.

Kesimpulannya nyatalah terbentang dihadapan mata kepala kita pada hari ini bahawa arus tamadun Barat sedang menyeludup masuk ke santero dunia Islam. Generasi-generasi Islam angkatan baru dengan tidak dapat ditahan-tahan lagi telah terpengaruh dengan keindahan dan ketinggian tamadun Barat sehingga mereka setapak demi setapak semakin jauh meninggalkan tamadun Islam yang mereka pusakai dari datuk nenek mereka turun-temurun.

Insafilah Jika Mahu Insaf!

Dipetik dari akhbar *al-Ālam al-Islāmī*.

Kata-kata Hikmah

Kurangkanlah angan-angan di dunia, nescaya engkau dapat kemenangan, kerana tanda orang yang berakal itu ialah mengurangkan angan-angan – Syair.